

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)26

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

26. Terangkan tujuan caj levi hotel Pulau Pinang dan pengutipan mengikut tahun sejak diperkenalkan.
- (a) Nyatakan pelan kegunaan pendapatan caj levi hotel tahun ini.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Tujuan caj fi hotel Pulau Pinang oleh Kerajaan Negeri adalah untuk digunakan bagi membiayai program-program pembangunan dan promosi sektor pelancongan di Pulau Pinang.

Kutipan Fi hotel sejak diperkenalkan adalah seperti berikut:

TAHUN	KUTIPAN(RM)
2014	3,686,310.00
2015	8,590,989.00
2016	9,395,560.00
2017	9,796,332.00

2018	9,595,311.00
2019	9,406,481.00
2020	3,514,257.00
2021	92.00
2022	3,832,692.00
2023	10,628,531.34
2024 (Sehingga April)	3,719,144.00

- (a) Bermula penghujung tahun 2023, Fi hotel telah diakaunkan sebagai hasil negeri. Kerajaan Negeri akan menyalurkan peruntukan daripada hasil tersebut kepada Penang Global Tourism Sdn Bhd, PICEB Sdn Bhd serta MMK Pelancongan dan Ekonomi Kreatif untuk program-program pelancongan. Bagi tahun 2024, peruntukan sejumlah RM 1 juta diberikan kepada MMK Pelancongan dan Ekonomi Kreatif untuk digunakan bagi tujuan program-program berkaitan pelancongan.